

# Kerjasama untuk kemajuan

Oleh Noor Jaafar

B.H 10 SEP 1993

KUALA TERENGGANU, Khamis — ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~ mahu negeri-negeri yang ditadbir berasingan daripada Kerajaan Pusat meneruskan hubungan baik dengan Perskutuan supaya usaha kerajaan mempertingkatkan kemajuan, kestabilan dan keamanan tercapai.

Menurut Perdana Menteri, wakil rakyat dan pentadbir kerajaan harus saling bekerjasama dan mengetepikan perkara remeh-temeh yang boleh menjejaskan usaha pentadbir negeri dan negara.

Katanya, jalinan kerjasama itu akan membolehkan pentadbiran dilaksanakan dengan lebih sempurna, sekaligus menjadikan masyarakat boleh berdikari.

"Pentadbiran yang baik dan cekap adalah penting kerana dengan hanya mempunyai kekayaan ia tidak boleh menjadikan sesebuah negara itu kaya dan maju.

"Kita mempunyai pemimpin dan pentadbir yang baik daripada kalangan mereka yang dipilih dan dilantik oleh kerajaan dan mereka pula mempunyai kebolehan itu menerusi latihan dan didikan yang diberikan oleh kerajaan," katanya berucap di majlis makan tengah hari di kediaman

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, di sini, hari ini.

\* Perdana Menteri berkata, dalam mana-mana masyarakat memang ada ketegangan dan persefahaman tetapi perkara itu tidak boleh dibiarkan mempengaruhi diri.

Mengenai pembangunan negara, Dr Mahathir berkata, beliau kagum dengan pembangunan pesat yang dicapai di Terengganu sekarang yang terkenal sebagai pusat pembangunan Pantai Timur.

Menurutnya, pembangunan pesat itu amat berbeza berbanding Terengganu pada 1957 sebagai negeri paling mundur.

"Kekayaan hasil minyak dan gas adalah secara kebetulan sahaja ditemui di Terengganu dan menjadikan negeri terkaya di negara ini. Walaupun royaltinya hampir RM500 juta setahun, ia sudah memadai untuk terkenal sebagai negeri Kuwait Malaysia," katanya.

Menurutnya, kekayaan Terengganu ada persamaan dengan Kuwait kerana negara Arab itu juga pada asalnya sebuah negeri miskin dan berpadang pasir tetapi mempunyai banyak minyak.

"Kita harus ingat, kekayaan yang ada dalam bumi tidak menjadi keka-

yaan melainkan diusahakan. Banyak negara yang mempunyai sumber alam yang cukup kaya, tetapi mereka tidak tahu bagaimana mengeluarkan, memasar dan menaikkan nilainya, sebab itu mereka kekal dengan kemiskinan," katanya.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri berkata, walaupun Malaysia menjadi negara contoh di kalangan negara membangun lain, rakyat tidak boleh angkuh dan sombong kerana sikap itu akan membolehkan negara jatuh dan mundur sekali lagi.

"Sehingga kini, Malaysia mencapai kejayaan yang lebih daripada kebanyakan negara membangun yang lain tetapi kita mesti ingat bahawa semua itu adalah kerana keadaan politik yang stabil, tidak ada rusuhan dan tidak ada usaha penjajahan," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat perlu bersikap rendah diri dan berusaha mempertingkatkan keupayaan supaya mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Katanya, rakyat perlu menggunakan peluang kekayaan yang diperolehi itu dengan cara yang lebih baik dan boleh mendatangkan lebih banyak hasil.